

Bahagian A

[30 markah]



Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan buli.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang buli di sekolah.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

- c) Statistik terkini menunjukkan isu buli di sekolah-sekolah di Malaysia semakin membimbangkan iaitu hampir 2,889 kes dilaporkan sepanjang tahun 2025, melibatkan sekolah rendah (740 kes) dan sekolah menengah (2149 kes). ^{† 30}

Sumber: Berita Harian



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Isu penipuan siber di Malaysia semakin membimbangkan dengan lebih 23,367 kes dilaporkan hanya dalam tempoh Januari hingga April 2026. Hal ini menyebabkan kerugian yang agak tinggi iaitu sebanyak RM 680.3 juta. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah keselamatan untuk menangani permasalahan ini perlulah dilakukan segera melalui (pendidikan kesedaran siber kepada masyarakat) Selain itu, (penguatkuasaan undang-undang) dan (peranan media massa) juga amat penting sebagai langkah membanteras penipuan siber.

Sumber: www.bharian.com.my

Huraikan langkah-langkah tersebut.

2

Ketagihan bermain permainan video semakin serius dalam kalangan murid di Malaysia. Tinjauan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati lebih 50 peratus semua murid di sekolah menengah menghabiskan masa melebihi tiga jam sehari hanya untuk bermain permainan video. Berikutan itu, ketagihan terhadap permainan video tersebut akan mendatangkan pelbagai kesan yang (menyebabkan prestasi akademik mereka terjejas.)

- menimbulkan (masalah mental) → 24.9% murid menghadapi masalah mental
(masalah kesihatan) → 54.4% obesiti
Sumber: Internet

Huraikan kesan yang terdapat dalam petikan, berserta kesan-kesan lain ketagihan permainan tersebut.

kesan² lain - 2 isi



1234567

3

Semangat kejiranan semakin terpinggir dan tidak lagi dijadikan amalan dalam kehidupan kini. Hal ini menyebabkan semakin ramai penduduk kurang mengenali jiran sendiri, malah ada yang tidak pernah bertegur sapa walaupun tinggal berdekatan. Situasi ini berlaku disebabkan oleh sikap mementingkan diri dalam kalangan masyarakat.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Selain punca yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan punca-punca berlakunya isu tersebut.

4

Sektor pelancongan domestik mengalami kemerosotan disebabkan oleh pelbagai faktor sehingga menjejaskan ekonomi masyarakat dan negara. Aktiviti-aktiviti pelancongan seperti melancong ke pusat-pusat peranginan dan tempat-tempat bersejarah semakin kurang mendapat sambutan daripada masyarakat. Situasi ini memerlukan (usaha pelbagai pihak) untuk memastikan sektor pelancongan domestik kembali rancak.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Bincangkan usaha-usaha tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students